

Penjawat awam diingatkan pandang serius lafaz Ikrar Bebas Rasuah

NSR 26.8.2017 4
OLEH MARRYAN RAZAN

KOTA KINABALU: Semua pihak terutama penjawat awam yang melafazkan dan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) diingatkan supaya memandang ikrar itu secara serius.

Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sabah Dato' Szali Salbi berkata, IBR harus dihayati, dilaksanakan dan diterjemahkan dari sudut perbuatan seseorang individu (pegawai).

"Ikrar ini memberi penekanan kepada ikrar serta janji para penjawat awam dalam kapasiti sebagai individu dan pemimpin yang menyelia kakitangan mereka, untuk menjunjung tanggungjawab serta akauntabiliti bagi menjauhi diri daripada sebarang jenayah rasuah dan salah guna kuasa, sepanjang melaksanakan tugas.

"Oleh itu saya berharap IBR dapat menanam rasa kejujuran, kesedaran, keikhlasan dan rasa tanggungjawab dalam diri setiap individu yang melafazkannya bagi memastikan gejala rasuah dan salah guna kuasa diperangi habis-habisan dan dihentikan serta merta di segenap peringkat,"

katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Melafaz dan Menandatangani IBR Universiti Malaysia Sabah (UMS), di Bangunan Canselor UMS, di sini, kelmarin.


Sazali turut mengingatkan semua penjawat awam bahawa IBR bukan perkara mainan yang boleh dipandang ringan.

"Ia bukan sekadar janji dan ikrar pada diri sendiri, siswa siswi dan institusi pengajian tinggi, tetapi ia adalah janji yang diungkapkan oleh kita sebagai hamba kepada PenciptaNya," katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pihak UMS kerana menyahut inisiatif IBR yang dipelopori oleh SPRM.

"Kesungguhan warga UMS merupakan suatu cerminan kepada sokongan berterusan atas usaha yang dijalankan oleh SPRM, untuk bersama-sama memastikan pentadbiran dan perkhidmatan UMS, bersih dan bebas daripada jenayah rasuah dan salah guna kuasa," katanya.

Katanya lagi, keterbukaan pihak universiti melaksanakan IBR membuktikan usaha membanteras rasuah bukan tanggungjawab SPRM semata-mata tetapi tanggungjawab semua pihak.



HADIR ... Sebahagian daripada pegawai SPRM yang hadir pada majlis itu.

Sazali berkata, rakyat pada masa kini sama ada di bandar atau luar bandar semakin pintar dan pantas menghakimi sebarang bentuk kelemahan dalam pentadbiran sesebuah jabatan atau agensi kerajaan.

"Justeru itu, setiap jentera pengurusan dan pentadbiran sesebuah jabatan atau agensi kerajaan perlu mencerminkan institusi yang bersih dan bebas daripada sebarang anasir berkaitan jenayah rasuah dan salah guna kuasa, agar masyarakat tidak meragui kemampuan mereka dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan," katanya.

Sehubungan itu katanya pada 8 Mei lepas, SPRM telah melancarkan Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) serentak di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran dan keinsafan kepada rakyat agar membenci jenayah rasuah dan salah guna kuasa.

"Berlandaskan kepada kesedaran dan keinsafan ini, adalah diharapkan rakyat termasuk warga

UMS mempunyai kekuatan dan mengatakan tidak kepada perlakuan jenayah rasuah serta mempunyai sifat membenci dan menolak perasuah.

"Kekuatan minda rakyat ini akan menjadi landasan kepada SPRM untuk menguatkan dan meningkatkan usaha memerangi rasuah dan salah guna kuasa," katanya.

Beliau berkata susulan daripada itu juga, pada 1 Ogos lepas, kempen pendaftaran Sahabat GERAH dilancarkan bagi menunjukkan komitmen individu berkenaan bersama-sama SPRM mencegah rasuah dan salah guna kuasa.

"Sahabat GERAH akan menjadi mata dan telinga SPRM dalam menyalurkan apa-apa aduan dan maklumat berkaitan rasuah.

"Sehubungan itu, saya menyeru ketua-ketua dan pegawai UMS secara sukarela menjadi ahli Sahabat GERAH seterusnya menjadi contoh kepada semua pegawai dan kakitangan di bawah seliaan masing-masing untuk turut menjejaki langkah memerangi rasuah," katanya.